

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1996/97

April 1997

AMP300/AMW343 - PENYELIDIKAN PEMASARAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan 1, 2 dan 3 adalah **WAJIB** dan pilih **DUA (2)** soalan lain.

Soalan 1 (WAJIB)

Huraikan peranan penyelidikan pemasaran dalam proses merancang strategi pemasaran

[15 markah]

Soalan 2 (WAJIB)

Syarikat BCG bercadang untuk memperkenalkan khidmat tempahan menjahit pakaian melalui komputer. Perkhidmatan ini tidak memerlukan pengguna untuk ke kedai jahit atau busana pakaian untuk menempah pakaian yang diingini. Anda telah dilantik untuk membuat kajian ke atas penerimaan pengguna kepada perkhidmatan ini.

(a) Nyatakan permasalahan bagi kajian ini.

[10 markah]

(b) Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menjawab kenyataan masalah penyelidikan di atas?

[15 markah]

...2/-

Soalan 3 (WAJIB)

(a) Huraikan proses merekabentuk soal selidik.

[5 markah]

(b) Terangkan bagaimana kaedah mengumpul data itu mempengaruhi rekabentuk soal selidik.

[5 markah]

(c) Komen soal selidik yang dipaparkan dalam jadual 1. Berdasarkan komen anda, sediakan satu soal selidik yang lebih kemas.

[10 markah]

Soalan 4

Huraikan kaedah-kaedah penyelidikan kualitatif berikut dan jelaskan tentang kelebihan dan kelemahan kedua-dua kaedah:

(a) Temuduga peribadi (personal interview).

[10 markah]

(b) Perbincangan kumpulan fokus (focus group interview).

[10 markah]

Soalan 5

Bincangkan teknik-teknik persampelan dan kelebihan serta kelemahan setiap teknik.

[20 markah]

Soalan 6

Apakah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan sebelum dan ketika pasukan penyelidik luar menjalankan kerja pengumpulan data?

[20 markah]

Jadual 1

Borang soal selidik: mengapakah aktiviti mahasiswa tidak berlangsung di Pusat Mahasiswa?

Borang soal selidik ini bertujuan mengumpul butir-butir yang relevan mengenai hubungan pelajar Universiti Sains Malaysia dalam menjalankan projek serta aktiviti persatuan, pertubuhan atau kelab dan projek-projek yang seumpamanya; samada dijalankan di Pusat Mahasiswa atau sebaliknya.

Sila tandakan [✓] di tempat yang disediakan.

1. Jenis persatuan/kelab/pertubuhan yang anda ceburi:

Akademik _____
Bukan akademik _____

2. Jawatan yang disandang:

Yang Dipertua _____
Naib Yang Dipertua _____
Setiausaha _____
Bendahari _____
Exco _____
Pengarah projek _____

3. Sila jawab berdasarkan skala dan jadual di bawah.

- 1 = Sangat Bermasalah
2 = Bermasalah
3 = Tidak Pasti
4 = Kurang Bermasalah
5 = Tidak Bermasalah

Sebab mengapa aktiviti tidak dijalankan di Pusat Mahasiswa:

- a. Birokrasi
b. Kemudahan tidak mencukupi
c. Lokasi tidak sesuai (jauh)
d. Tidak sesuai untuk aktiviti
e. Bukan tempat tumpuan umum
f. Tidak berhawa dingin
g. Tidak tahu adanya kemudahan
h. Jadual tempahan yang ketat
i. Lain-lain (nyatakan)

| | DTSP | Dewan Kulaih | Bilik Tutorial | Pusat Mahasiswa | Lain-lain |
|---------------------|------|--------------|----------------|-----------------|-----------|
| Mesyuarat | | | | | |
| Seminar | | | | | |
| Ceramah | | | | | |
| Forum | | | | | |
| Bengkel | | | | | |
| Hari keluarga | | | | | |
| Jamuan | | | | | |
| Minggu suaikenal | | | | | |
| Aktiviti perniagaan | | | | | |
| Tanyangan filem | | | | | |
| Aktiviti rekreasi | | | | | |
| Sukan | | | | | |
| Lain-lain | | | | | |

Segala maklumat adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk kajian kes dan tidak akan dikeluarkan untuk tatapan umum.

Sekian, terima kasih.

---ooo000ooo---